

HUTAN PAYA GAMBUT (HPG)

HPG adalah sesuatu ekosistem tanah bencah (*wetland*) yang unik kerana pembentukannya adalah hasil daripada pengumpulan dan pembedapan bahan organik yang tidak mereput sepenuhnya. Ia merupakan habitat kepada pelbagai hidupan termasuklah juga yang terancam.



PROGRAM PEMULIHARAAN HUTAN SIMPAN RAJA MUSA (HSRM)

Aktiviti pemuliharaan hutan paya gambut adalah salah satu aktiviti yang penting di Hutan Simpan Raja Musa di mana ia bertujuan untuk memulihkan semula kawasan hutan paya gambut yang terosot supaya ia dapat kembali seperti yang asal. HPG adalah ekosistem yang penting untuk mencegah pemanasan global.



KEMPEN PENANAMAN POKOK SECARA BERKALA DI HUTAN SIMPAN RAJA MUSA

Lebih dari 10,000 sukarelawan telah digerakkan oleh GEC dan JPNS sejak tahun 2008 melalui kempen penanaman pokok di HSRM, dan melalui aktiviti tersebut, Lebih dari 100,000 anak pokok telah berjaya di taman di kawasan seluas 150 hektar. Objektif aktiviti penanaman semula di Hutan Simpan Raja Musa adalah untuk mengurangkan kejadian jerebu akibat kebakaran hutan / tanah gambut; mengurangkan kenaikan suhu (pemanasan global); dan 'menghutankan' semula HPG yang terosot.

KERJASAMA DALAM PERSEPAKATAN

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) adalah sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam mengurus, membangun, memelihara serta mentadbir khazanah hutan negeri. JPNS bertanggungjawab dalam memelihara dan memulihara hutan secara berkekalan. Di antara tugas yang dilaksanakan adalah seperti mengurus, mentadbir dan merancang kawasan hutan terutamanya Hutan Simpanan Kekal (HSK) dengan mempertingkatkan dan mengekalkan jumlah HSK yang ada di Negeri Selangor.

Segala peraturan dan perundangan yang dipatuhi adalah berlandaskan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) dan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

Global Environment Centre (GEC) sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1998 dan terlibat secara aktif dalam menangani isi-isu alam sekitar serantau.

Bagi **HSBC**, pengurusan mapan membawa maksud pengurusan perniagaan untuk jangka masa panjang. Ini bermaksud mencapai kemapanan keuntungan untuk pemegang saham kami, memupuk hubungan berpanjangan dengan para pelanggan kami, memberi penghargaan kepada tenaga kerja kami yang berdedikasi, dan mentadbir urus kesan perniagaan kami terhadap alam sekitar dan masyarakat. HSBC mempunyai komitmen jangka panjang dalam usaha melindungi alam sekitar. Justeru itu kami percaya ia adalah intipati asas kepada pembangunan masyarakat dan ekonomi yang kukuh — faktor-faktor penting untuk menjayakan sesuatu perniagaan. Di HSBC, kami komited untuk mengurangkan kesan perubahan iklim ke atas manusia, hutan, air tawar, bandar-bandar, dan menggerakkan penerapan polisi karbon rendah melalui kerjasama dengan masyarakat tempatan, kerajaan, sektor perniagaan, NGO alam sekitar dan juga warga kerja HSBC sendiri. Pada tahun 2005, HSBC merupakan bank pertama dan syarikat FTSE 100 yang mencapai neutral karbon.

Project SEApeat ditaja oleh **Kesatuan Eropah (EU)** menyokong Program Pemuliharaan Hutan Gambut di Negeri Selangor.

SGP Malaysia atau "**Small Grant Programme**" Malaysia merupakan projek yang telah ditubuhkan dibawah **GEF (Global Environmental Facility)** pada tahun 1992 hasil daripada "Persidangan Rio". GEF-SGP membantu dengan menyediakan bantuan kewangan dan teknikal kepada Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dan Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) yang melaksanakan projek-projek konservasi dan rehabilitasi alam sekitar sambil meningkatkan tahap hidup masyarakat. Semoga program GEF-SGP dengan menjurus kepada tindakan komuniti dapat memberikan keseimbangan di antara keperluan manusia dan alam sekitar.



UNTUK KETERANGAN LANJUT:

Global Environment Centre (GEC)

Tingkat 2, Wisma Hing, No. 78, Jalan SS2/72, 47300 Petaling Jaya, Selangor, MALAYSIA.

Tel : +6 03 7957 2007; Faks: +6 03 7957 7003

Laman web: www.gec.org.my

Emel: outreach@gec.org.my; nagarajan@gec.org.my

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40660 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA

Tel : +6 03 554 4700; Faks: +6 03 5510 2358

Seciranya berminat untuk turut serta, segala maklumat berkenaan dengan Kempen Tanam Pokok di Hutan Simpan Raja Musa boleh diperolehi di www.gec.org.my atau facebook @sahabatutanggungambut.

SAHABAT HUTAN GAMBUT SELANGOR UTARA



PROGRAM PEMULIHARAAN HUTAN SIMPAN RAJA MUSA DENGAN PENGLIBATAN MASYARAKAT SETEMPAT

DENGAN KERJASAMA:



PROJEK DILAKSANAKAN OLEH:



TENTANG SHGSU





Sahabat Hutan Gambut Selangor Utara (SHGSU) adalah satu gelaran yang diberikan kepada individu atau golongan masyarakat yang peka dan prihatin terhadap kemerosotan ekosistem Hutan Paya Gambut (HPG); mereka yang faham akan impak yang akan dihadapi oleh masyarakat awam akibat kemerosotan ekosistem HPG; dan mereka yang berani mengambil tindakan proaktif dalam pemuliharaan HPG di sekitar mereka. SHGSU merupakan satu inisiatif yang dicadangkan oleh Yang Berbahagia Datuk Zul Mukhsar bin Md. Shaari selaku Ahli Lembaga Pengarah kepada GEC yang juga merupakan bekas ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Pembentukan SHG juga bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan antara pihak kerajaan, pihak swasta dan NGO dan juga masyarakat setempat dalam menangani isu alam sekitar terutamanya berkaitan HPG.

OBJEKTIF SHGSU

- Penubuhan SHGSU adalah untuk menyokong penyertaan masyarakat tempatan dalam Program Pemuliharaan Hutan Paya Gambut di Hutan Simpan Raja Musa; dan
- Mengadakan satu perkongsian tanggungjawab di antara jabatan kerajaan, pihak swasta, NGO, serta masyarakat tempatan dalam menguruskan HPG serta alam sekitar.

AKTIVITI SHGSU

- Penanaman semula hutan paya gambut dengan spesies-spesies yang sesuai; termasuk menubuhkan nurseri daripada pokok-pokok hutan tanah gambut; dan pengumpulan anak benih liar (*wilding*);
- Melaksanakan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar;
- Melakukan rondaan dan pemantauan kawasan HPG (Hutan Simpan Raja Musa);
- Menjalankan pemantauan kebakaran / api di sekitar HPG; dan
- Menganjurkan bengkel dan latihan yang berkaitan dengan HPG.



PETUNJUK: GUNA TANAH

**Koordinasi GPS
(Kompartmen
Hutan 99/100,
Parit 6, HSRM):**

N 03° 27'58.402"
E 101° 26'31.51"

LOKASI HSRM

Hutan Simpan Raja Musa (HSRM) terletak di bahagian barat laut Negeri Selangor dan mempunyai jumlah keluasan sekitar 35,656 hektar. Walaubagaimanapun, hampir 3,000 hektar kawasan HPG di HSRM telah rosak akibat daripada kebakaran dan penerokaan haram untuk tujuan pertanian.